



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Surat Kepada Pengarang**

**23 Ogos 2017**

## **HARAMKAN KOTAK ROKOK KECIL**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mahu kerajaan memastikan bahawa pengharaman kotak rokok kecil kekal kerana objektif utama kotak kecil ialah untuk menarik golongan belia, perokok yang berpotensi dan wanita.

Kotak rokok kecil yang berisi kurang daripada 20 batang lebih mampu dibeli oleh golongan itu. Ini tidak akan menghalang perokok untuk membeli lebih banyak rokok kerana mereka sudah pun ketagih kepada nikotin dalam rokok.

Nikotina lebih menagihkan berbanding kokaina atau morfin dan sekali ketagih, perokok akan menjadi pelanggan industri ini sepanjang hayat.

Bagi alasan yang amat jelas itu, kotak rokok tujuh dan lapan batang diharamkan pada 2006 dan ini diikuti oleh pengharaman kotak 14 batang pada 2010. Tiada alasan kenapa kotak kecil perlu dikembalikan memandangkan ia mengambil begitu banyak usaha untuk mengharamkannya di tengah-tengah campurtangan oleh industri tembakau.

Merokok dikaitkan dengan pelbagai penyakit daripada kanser hinggalah kepada penyakit kardiovaskular. Asap tembakau mempunyai lebih 4,000 bahan kimia dengan lebih daripada 60 daripadanya diketahui penyebab kanser (contohnya formaldehid) dan enam bahan kimia lain yang mengganggu perkembangan sel biasa (contohnya nikotina dan karbon monoksida).

Kajian 2004 ke atas tiga penyakit berkaitan merokok yang paling biasa (penyakit jantung iskemik, IHD), Penyakit Pulmonari Halangan Kronik (COPD), dan kanser paru-paru. Didapati bahawa negara membelanjakan RM630.4 juta untuk IHD, RM116.6 juta untuk kanser paru-paru, dan RM2,306 juta untuk COPD. Kerajaan membelanjakan sejumlah RM3,053 juta setahun untuk merawat tiga penyakit ini dan jumlah yang sama iaitu kira-kira RM4,190 juta hari ini selepas mempertimbangkan inflasi tahunan dan Indek Harga Pengguna (CPI) dalam beberapa tahun.

Penyakit berkaitan merokok membunuh kira-kira 20,000 rakyat Malaysia pada 2015 dan terdapat 2.7 juta perokok daripada golongan belia berusia antara 13 dan 15 tahun pada 2009. Industri tembakau cuba untuk meyakinkan kerajaan bahawa kotak kecil itu untuk orang dewasa yang mahu mengurangkan menghisap rokok tetapi dalam realitinya ia untuk jangkauan belia yang mula mahu merokok. membenarkan jualan kotak rokok seperti itu akan memberikan gambaran umum yang mengelirukan kepada penduduk yang menunjukkan bahawa ia “ok” dan “biasa” untuk merokok, dengan itu menghapuskan semua usaha kerajaan yang dilakukan sejak bertahun-tahun.

CAP menggesa kerajaan untuk terus dengan langkah kawalan tembakau yang tegas seperti mana yang disarankan oleh Rangka Kerja Konvensyen Kawalan Tembakau (FCTC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Daripada menerima pujukan industri tembakau, kerajaan sepatutnya mempertimbangkan untuk mencegah aktiviti penyeludupan rokok, hukuman penjara mandatori dan merampas harta mereka yang terlibat.

**S. M. Mohamed Idris**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**